

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 29, 2019 12:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MPUI-UUM Kolaborasi Universiti Dan Industri Bantu Pembangunan Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 JULAI 2019 / 26 ZULKAEDAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

MPUI-UUM KOLABORASI UNIVERSITI DAN INDUSTRI BANTU PEMBANGUNAN NEGARA



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Dalam usaha memantapkan pembangunan komuniti khususnya di negeri Kedah, Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif untuk menjalinkan kolaborasi dengan pihak industri dan komuniti.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, UUM menyokong inisiatif pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia yang menggalakkan universiti untuk turut serta dalam pembangunan komuniti.

Menurutnya, inisiatif tersebut sangat penting dalam pembangunan negara yang mana komuniti atau masyarakat setempat tidak boleh diabaikan, justeru kolaborasi antara universiti

dengan industri dan komuniti merupakan elemen yang sangat penting dalam pembangunan negara.

Katanya, Majlis Penasihat Universiti-Industri, UUM (MPUI-UUM) adalah medium terbaik untuk membincangkan berkenaan peluang kerjasama yang boleh dijalankan, selain mencari kaedah terbaik dalam pembangunan komuniti.

"Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi negara yang berada jauh di utara tanah air, UUM mengambil berat tentang masyarakat yang berada di sekitar kawasan kampus, malah di seluruh negeri Kedah dan kawasan utara Semenanjung.

"UUM memiliki kerjasama yang erat dengan kerajaan negeri Kedah dan kini sedang memantapkan elemen pembangunan komuniti terutamanya melibatkan aspek seperti *Early Childhood Education, Women Empowerment, Social Innovation through Internet of Things dan Agribusiness and Smart Farming*.

"Sehubungan itu, saya berharap agar bantuan dan kepakaran pengamal industri untuk bekerjasama dalam usaha-usaha ini bukan sahaja terhad di negeri Kedah tetapi menyeluruh di kawasan utara, malah UUM juga bersedia untuk bekerjasama dengan pihak industri dalam kolaborasi yang mampu memaksimumkan kepakaran kita secara bersama dalam membantu pembangunan negara," katanya pada Mesyuarat MPUI-UUM di Sunway Putra Hotel, baru-baru ini.

Naib Canselor berkata, baru-baru ini telah diadakan sesi bicara santai '*No-Holds Barred Brainstorming Session*' yang melibatkan pakar dalam pelbagai bidang termasuk pihak industri bagi memastikan objektif mesyuarat MPUI-UUM tercapai dan secara tidak langsung membantu UUM menyusun strategi serta aspirasi selaras dengan era Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

Menurutnya, sesi tersebut akan diteruskan dalam memastikan hala tuju MPUI dan universiti dapat dimanfaatkan secara kolektif, manakala hala tuju UUM dapat dicapai secara efektif.

Katanya, beliau berharap sesi MPUI-UUM kali ini dapat mencapai matlamat yang digaris dan ditetapkan demi pembangunan masyarakat dan negara, selain membincangkan tema mesyuarat bagi tahun 2019 iaitu '*Forging Ahead: Addressing Nation Building through University-Industry-Community (UIC) Strategic Alliance*'.

Pada mesyuarat itu, Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek telah membentangkan hala tuju universiti dan hasrat universiti dalam merealisasikan aspirasi-aspirasi berkenaan.

MPUI-UUM ditubuhkan sejak 2012 dan signifikan peranan MPUI-UUM adalah bertujuan untuk memberi nasihat berhubung dengan keperluan terkini dalam industri bagi keperluan di peringkat akademik, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan serta penawaran program pengajian di UUM.

Pelantikan 17 ahli MPUI-UUM adalah berdasarkan pada kapasiti ahli-ahli yang dipilih dalam menyumbangkan kepakaran kepada pihak UUM, antara ahli MPUI ialah Ketua Kumpulan Modal Insan Kumpulan Maybank, Nora Abd Manaf; Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Dato' Zainul Rijal Abu Bakar; Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios, Dato' Norman Abdul Halim dan Pengarah Urusan Kumpulan Genaxis Group Sdn Bhd, Nuraslina Zainal Abidin.

Tujuan mesyuarat MPUI-UUM adalah bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi universiti untuk meningkatkan kebolehpasaran kerja graduan serta meningkatkan kualiti

pelajar melalui pelaksanaan program, meningkatkan kualiti dan nilai tambah pelajar UUM melalui pelaksanaan program yang melibatkan ahli MPUI-UUM dan mendapatkan khidmat nasihat serta pandangan bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan program pembangunan dan kurikulum pelajar.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.